

TARIKH	17 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	22	RUANGAN	SETEMPAT

Harap kesejahteraan

KELANA JAYA: Pemergian sepasang suami isteri dari Meru, Klang ke Tanah Suci bukan sekadar menunaikan rukun Islam, malah sebagai ibu dan bapa, mereka mengharapkan kesejahteraan untuk seluruh ahli keluarga mereka.

Bakal jemaah haji, Asri Sarman, 55, ketika ditemui bersama isterinya, Misnah Salamon, 53, berkata mereka tidak sabar untuk tiba di Makkah kerana mahu memanjatkan doa di hadapan Baitullah.

"Sekarang ini, semua perasaan bercampur, berdebar-debar dan takut untuk menempuh cabaran ibadat di sana kerana perlu berdepan dengan umat Islam dari serata dunia.

"Bagaimanapun, sudah pasti doa untuk kesejahteraan anak-anak menjadi keutamaan kami berdua selain berusaha menyempurnakan doa yang dikirimkan saudara dan rakan," katanya ketika ditemui.

Asri yang baru menamatkan perkhidmatan sebagai pekerja di sebuah syarikat jelas begitu gembira kerana dapat menunaikan haji ketika kudrat masih kuat dan



PERIKSA...Asri (kiri) dan Misnah melihat barangan yang akan dibawa ke Tanah Suci.

menganggap pemergian ke Makkah sebagai hadiah persaraan.

"Sudah lama kami berdua mahu melaksanakan rukun Islam kelima ini, namun belum ada rezeki. Alhamdulillah sebaik saja saya bersara, kami dikhabarkan dengan berita gembira ini.

"Kami berharap diberi ke-

sihatan baik ketika berada di sana untuk mengerjakan ibadat seterusnya dapat mengejar haji yang mabrur," katanya.

Menceritakan lebih lanjut, Asri berkata, dia mula menabung sejak zaman muda lagi sebelum menambah jumlah dalam akaun Tabung Hajinya.